



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2013/10/100 (HQ)

TNB AKAN LANTIK BADAN BEBAS ANTARABANGSA UNTUK NILAI SEMULA EMPANGAN-EMPANGAN HIDRO MILIKNYA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan melantik satu badan bebas antarabangsa untuk menilai semula pelbagai aspek empangan-empangan hidro miliknya, kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd hari ini.

Badan antarabangsa yang bertauliah ini, antara lain akan mengkaji semula aspek-aspek seperti keselamatan, operasi dan kesan aktiviti-aktiviti pembangunan di kawasan persekitaran serta impak kepada operasi empangan dan kesan jangka masa panjang terhadap integriti empangan.

Antara empangan-empangan hidroelektrik utama milik TNB ketika ini adalah Empangan Sultan Abu Bakar yang kini berusia 50 tahun, Empangan Sungai Perak (35 tahun), Empangan Pergau (16 tahun) dan Empangan Kenyir (28 tahun).

Aktiviti-aktiviti pembangunan di hulu sungai yang berjalan selepas empangan-empangan ini mula beroperasi mungkin memberi impak kepada operasi harian empangan-empangan ketika ini, kata Datuk Seri Ir. Azman dalam satu kenyataan.

Sebagai syarikat yang prihatin, Datuk Seri Ir. Azman juga mengumumkan bahawa TNB akan memberi bantuan kemanusiaan berjumlah RM200,000.00 kepada mangsa banjir Lembah Bertam.

Bantuan ini akan disalurkan menerusi Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang, yang dikelolakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 29 Oktober 2013

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus Bunchit (019-2662296) / Hanim Idris (019-261 7617) / Arziril Alim Azizi (019-268 6630) / Maizatul Nadiah Saadon (017-381 6602)